

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.04.2015

Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci tentang kesan penyusutan nilai ringgit terhadapimbangan dagangan negara.

JAWAPAN

Penyusutan nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini didorong terutamanya oleh faktor luaran. Penyusutan ini seiring dengan penyusutan nilai mata wang serantau yang lain antara 1.1% sehingga 10.1% berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) bagi tempoh September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh

prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

2. Kesan penyusutan nilai ringgit secara amnya memberi kesan positif terhadap prestasiimbangan dagangan negara. Pendapatan eksport akan meningkat berikutan harga barangan negara menjadi lebih kompetitif di pasaran dunia manakala harga import juga akan meningkat namun peningkatan nilai import adalah lebih kecil berbanding nilai eksport. Tambahan juga, keadaan ini akan menggalakkan pengeluar tempatan mengamalkan strategi gantian-import (*import substitution*) dengan mencari input alternatif dari pasaran tempatan yang lebih murah dalam pengeluaran barangan. Secara keseluruhannya,imbangan dagangan dijangka kekal dalam lebihan sungguhpun semakin mengecil. Ini adalah disebabkan oleh kejatuhan harga barangan komoditi secara mendadak terutamanya minyak mentah dan LNG.

3. Dalam usaha mencergaskan prestasi perdagangan negara, Kerajaan

telah menubuhkan Majlis Eksport Negara (NEC) pada 17 Disember 2014 bagi memastikan perkembangan perdagangan negara kekal kukuh dan kompetitif. Dalam hal ini, NEC akan memberi penekanan menyeluruh ke atas ekosistem eksport termasuk aspek rantaian nilai eksport, logistik dan kualiti pengeluaran barangan dan perkhidmatan, akses pasaran dan tenaga kerja mahir.